

Client : **Russia-Singapore Business Forum**  
Publication : Berita Harian  
Heading : SM Goh: The global economic crisis marks the resurrection of Asia as a major economic engine in the world  
Date : September 28, 2010  
Circulation : 60,000

## SM Goh: Krisis jadi petanda kebangkitan Asia sebagai enjin utama ekonomi dunia

Oleh **NORHAIZA HASHIM**  
*norhaiza@sph.com.sg*

KRISIS ekonomi sejagat merupakan detik perubahan bagi Asia – ia menandakan kebangkitannya sebagai sebuah enjin ekonomi utama di dunia, menurut Menteri Kanan, Encik Goh Chok Tong.

Berucap dalam Forum Perniagaan Russia-Singapura semalam, beliau berkata syarikat-syarikat di dunia wajar melihat Asia bukan sahaja sebagai sebuah pusat operasi berkos rendah, malah pusat bagi membentuk operasi bernilai tinggi disebabkan ramai tenaga mahir tertumpu di sini.

“Semasa krisis, China dan India terus menikmati pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Ekonomi-ekonomi Asia yang utama mengatasi pertumbuhan sejagat tahun ini, dengan Hasil Kasar Dalam Negeri (GDP) rantau ini dijangka mencapai 7.75 peratus.

“Berdasarkan trend ketika ini, dalam tempoh lima tahun, Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yakin ekonomi Asia adalah 50 peratus lebih besar, menyumbang lebih sepertiga daripada keluaran sejagat dan mempunyai saiz serupa Amerika Syarikat dan Eropah,” jelas SM Goh dalam forum di Marina Bay Sands itu.

Syarikat-syarikat perlu melihat Asia sebagai pasaran utama kerana dengan meningkatnya bilangan kelas pertengahan dan pemodenan di Asia, lebih banyak permintaan bagi produk dan khidmat lebih canggih diperlukan.

Menurut SM Goh, Asia juga mempunyai ramai bakat yang akan membantu syarikat-syarikat sejagat jika mereka mahu menempatkan operasi bernilai tinggi di sini.

“Hari ini, India membekalkan lebih ramai pakar teknologi dari negara-negara lain dan China akan mengatasi Amerika sebagai tempat yang menghasilkan tenaga pekerja bidang penyelidikan dan pengembangan (R&D) terbesar,” jelasnya.

Beliau menggalakkan syarikat-syarikat Russia menggunakan Singapura sebagai “batu loncatan” ke Asia dan memanfaatkan perjanjian dagangan bebas (FTA) yang dimeterai negara ini dengan Asean, China, India, Jepun, Australia dan New Zealand.

Hubungan ekonomi Singapura dan Russia mendapat dorongan semalam apabila perjanjian perlindungan dan promosi pelaburan dimeterai.

Berserta perjanjian bagi mengelak cukai berganda, SM Goh berkata perjanjian-perjan-

jian tersebut akan menggalakkan aliran perniagaan dua hala antara kedua-dua negara.

Perangkaan International Enterprise (IE) Singapore menunjukkan jumlah dagangan Singapura-Russia meningkat sebanyak 37 peratus dan mencapai \$3.14 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

“Selain dagangan, syarikat-syarikat Singapura boleh menawarkan gabungan khidmat yang pelbagai dan menyeluruh seperti perancangan induk bagi taman teknologi maklumat (IT), huraiian teknologi infokom dan pendidikan.

“Inilah yang diperlukan Persekutuan Russia bagi tahap pertumbuhan selanjutnya dan syarikat-syarikat Singapura harus meneroka peluang ini,” jelas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IE Singapore, Encik Chong Lit Cheong.

Tiga perjanjian persefahaman (MOU) ditandatangani oleh syarikat-syarikat setempat dan rakan-rakan niaga mereka di Russia.

Forum tahunan itu diadakan sejak lima tahun lalu.

Menteri Pembimbing, Encik Lee Kuan Yew, akan berucap dalam satu sesi dialog di forum itu yang akan berakhir esok.

According to SM Goh, companies in the world should not only look at Asia as a centre of low-cost operations, but a center to form high-value operations because of the wealth of the talent concentrated in the country.

He said that despite the global crisis, Asian economies such as China and India continued to enjoy strong economic growth with other Asian economies expected to have major growth this year. Within the next five years, the International Monetary Fund (IMF) believes that Asian economies will account for more than a third of global output competing on a similar scale to both the United States and Europe.

As Asian economies grow, there will be an increased demand for more sophisticated products and services from a growing middle-class. SM Goh encouraged Russian companies to use Singapore as a 'stepping stone' into Asia and take advantage of the free trade agreement (FTA) Singapore signed with other ASEAN countries.

According to International Enterprise (IE) Singapore, Singapore's trade volume with Russia has increased by 37 percent, reaching \$3.14 billion in the first eight months of 2010 compared to the same period last year. Three memorandums of understanding (MOU) were also signed by Singapore companies and their Russian counterparts.